

TARIKH: 9/3/2023  
SURAT KHABAR: Harian Metro  
MUKA SURAT: 10



WAN Zulkifli (tiga dari kiri) ketika pelaksanaan Operasi Bersepadu Jabatan-Jabatan Di Bawah Kementerian Sumber Manusia Sabah di sebuah tapak pembinaan dalam kawasan Sadong Jaya. foto: Idris

**Kota Kinabalu:** Majikan dikesan masih lagi gagal memberi gaji minimum mengikut Perintah Gaji Minimum 2022.

Selain itu, majoriti majikan juga didapati membuat pemotongan gaji pekerja tanpa mendapatkan kebenaran Pengarah Tenaga Kerja Negeri.

Kesalahan dikesan sepanjang tiga hari Operasi Bersepadu Jabatan-Jabatan Di Bawah Kementerian Sumber Manusia Sabah yang bermula pada 6 Mac lalu.

Majikan di negeri ini juga dikesan tidak membayar atau salah pengiraan pembayaran kerja lebih masa.

Pengarah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sabah Wan Zulkifli Wan Setapa memak-

lumkan Perintah Gaji Minimum 2022 berkuat kuasa di Sabah bermula Mei tahun lalu.

“Menerusi pelaksanaannya, majikan perlulah membayar gaji pekerja sekurang-kurangnya RM1,500 sebulan atau RM57.70 sehari atau RM7.90 sejam iaitu mengikut kadar lapan jam satu hari.

“Bagaimanapun, hasil daripada pemeriksaan dalam operasi memasuki hari ketiga (semalam), kita masih mendapati sebahagian besar majikan belum mematuhi perkara terbabit.

“Selain itu, kita juga mahu memaklumkan bahawa ma-

na-mana gaji pekerja tidak boleh dibuat pemotongan tanpa mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari Pengarah Tenaga Kerja Negeri.

“Hal ini kerana ada potongan tertentu yang tidak boleh dibuat oleh majikan. Oleh itu, mereka perlu mendapatkan kebenaran jabatan agar kita boleh membuat semakan terlebih dahulu sebelum membenarkan sebarang pemotongan dibuat,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas membuat pemeriksaan di sebuah tapak pembinaan di Sadong Jaya di sini, semalam.

## Majikan masih berdegil